

27/04/2003

Umno pastikan pemimpin bahagian kekal status-quo

Zainudin Isa

MENTAKAB: Umno akan memastikan pemimpin bahagian yang terbabit dalam persempadanan semula kawasan pilihan raya akan kekal status-quo atau jawatan masing-masing dalam jawatankuasa penaja yang bakal diwujudkan, Jun ini.

Naib Presidennya, Datuk Seri Najib Razak, berkata pengkalan jawatan itu penting bagi memastikan tiada politik dalam proses perubahan atau pemecahan bahagian terbabit.

"Setakat ini, Umno hanya akan membuat keputusan untuk menyusun bahagian atau cawangan yang terbabit selepas mesyuarat agung parti, Jun ini.

"Tetapi, kita tetap ambil kira jawatan yang dipegang dalam jawatankuasa penaja yang akan diwujudkan kelak supaya tidak banyak berlaku perubahan. Ini penting untuk mengurangkan politik kerana masing-masing mempunyai status-quo," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Mentakab, di Dewan Datuk Abdullah Kia, di sini semalam.

Najib diminta mengulas kedudukan bahagian Umno yang terbabit dalam persempadanan semula kawasan pilihan raya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), baru-baru ini.

Mengenai kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin mengenai dasar 'tukul besi' Amerika dengan mensasarkan negara Islam dalam tindakan mereka menghapuskan pengganas, Najib berkata, perkara itu jelas apabila negara itu menggunakan alasan menyerang Iraq kononnya mempunyai senjata pemusnah yang dahsyat.

"Memang mereka (Amerika) mahu mendominasi politik di rantau Teluk supaya tiada negara di situ boleh mengancam kepentingan mereka dan juga sekutunya, Israel.

"Jadi dalam merencanakan cita-citanya, mereka memberi kata dua kepada mana-mana negara supaya bersamanya atau tidak, dan ini ketara apabila Syria kini digertak," katanya.

Sehubungan itu, beliau yang juga Menteri Pertahanan berkata, adalah penting semua negara Islam bersatu dengan semangat permuafakatan yang kukuh bagi membendung ancaman kuasa besar.

Ditanya sama ada Malaysia turut terdedah dengan dasar Amerika itu, Najib berkata, negara ini tidak terdedah kepada ancaman yang berbentuk serangan ketenteraan.

"Bagaimanapun, kita mungkin berdepan dengan masalah dalam bentuk rangkaian kerjasama membabitkan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan beberapa konsep sejagat seperti globalisasi, liberalisasi serta hak asasi

manusia.

"Mungkin melalui saluran atau urusan ini, Malaysia menghadapi tekanan pada masa depan tapi tidak dalam erti kata ancaman dari segi ketenteraan," katanya.

Katanya, bagi mengatasinya, Malaysia sedang memperkukuhkan perhubungan antarabangsa membabitkan penyertaan dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC), Liga Arab dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM).

Terdahulu, dalam ucapannya, Najib berkata, ahli Umno semua peringkat perlu kembali kepada semangat berkorban seperti ditunjukkan pemimpin masa

lalu bagi mengangkat martabat bangsa, agama dan negara, tanpa mengenakan sebarang syarat atau kepentingan peribadi.

Hanya dengan kebangkitan secara menyeluruh itu mampu meletakkan semula perjuangan parti pada landasan sebenar, sekali gus mengelak daripada negara dijajah kuasa asing.

Beliau berkata, perjuangan orang Melayu menjadi hambar jika mereka lebih mementingkan diri, kuasa, jawatan dan habuan politik. Kurangnya semangat ingin berkorban menjadikan perjuangan Umno hari ini tidak seperti ketika pejuang kemerdekaan dulu yang sanggup menyerahkan nyawa dan harta benda.

"Kalau dulu Allahyarham Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak sanggup menggadai nyawa pergi berbincang ke London dengan penjajah British, mengapa tidak hari ini semangat itu diangkat semula.

"Dulu, di atas tudung merah wanita Umno itulah mereka mengutip barang kemas dan mengumpul duit untuk membolehkan pejuang pergi mendapatkan kemerdekaan tanah air. Tapi, hari ini pengorbanan yang kita tuntutan bukan

nyawa atau harta benda, tapi masa, tenaga, buah fikiran dan penyatuan sejati," katanya.

Mesyuarat perwakilan bahagian itu mencatat sejarah kerana ia mesyuarat terakhir berikutan bahagian itu terbabit dengan persempadanan semula kawasan pilihan raya.